

09/09/1998

Fennel puji persiapan Malaysia

PERSEKUTUAN Sukan Komanwel (CGF) memuji kejayaan Malaysia menyempurnakan semua persediaan menghadapi Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI walaupun menghadapi kegawatan ekonomi yang serius.

Pengerusinya, Michael Fennel, berkata kejayaan Malaysia menyediakan pelbagai kemudahan, terutama Kompleks Sukan Bukit Jalil, bukan sekadar untuk menjayakan sukan prestij itu, malah bagi faedah generasi muda negara ini pada masa depan.

"Dengan sokongan padu kerajaan Malaysia, penganjuran kali ini adalah begitu luar biasa kerana pelbagai kemudahan yang disediakan adalah mengagumkan."

"Semua kemudahan dan kelengkapan ini, LRT, Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) dan Kompleks Sukan Bukit Jalil menyaksikan pembangunan dan kemajuan yang dicapai Kuala Lumpur benar-benar pesat."

"Tetapi mengapa kita mesti bersusah payah? Sebenarnya, apa yang penting ialah kita menyediakan peninggalan, kemudahan fizikal lengkap dan mengagumkan ini adalah untuk diwarisi generasi akan datang," katanya.

Dia berkata demikian ketika berucap di majlis pembukaan Perhimpunan Agung CGF, yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir ialah Presiden CGF, Putera Edward, Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku dan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Hamzah Abu Samah.

Fennel berkata sejak dipilih menjadi tuan rumah pada 1992, Malaysia ternyata membuat persediaan begitu rapi dan kejayaan yang dicapai setakat ini sudah pasti menjadi cabaran kepada bakal tuan rumah kejohanan akan datang.

"Walaupun menghadapi masalah kegawatan ekonomi, Malaysia ternyata komited dengan janji yang dibuat dan akhirnya berjaya menyempurnakan semua kemudahan infrastruktur tepat pada masanya."

"Saya yakin Malaysia mampu mencapai matlamatnya untuk menganjurkan Sukan Komanwel terbaik abad ini sebelum kita melangkah ke alaf baru," katanya.

Sementara itu, Hamzah dalam ucapannya berkata pembabitan Dr Mahathir dan kerajaan sebagai tulang belakang untuk menjayakan temasya ini, adalah faktor utama meyakinkan semua pihak.

"Perdana Menteri adalah kuasa utama di belakang temasya sukan ini. Beliau adalah orang yang memastikan semua tugas dilaksanakan dengan sempurna sejak mula lagi."

"Kerana itu, sejak dipilih pada 1992, kami memang yakin dapat melaksanakan tugas dan menjayakan kejohanan terakhir abad ini dengan cemerlang," katanya.

Turut menyatakan perasaan puas hati dan kagum dengan kesungguhan Malaysia ialah semua delegasi yang hadir dalam mesyuarat semalam.

"Semua delegasi kagum dengan usaha Malaysia dan sebulat suara mengakui persediaan yang dibuat negara ini adalah yang terbaik pernah disaksikan," kata Fennel dalam sidang akhbar selepas mesyuarat CGF berakhir petang semalam.

(END)